



Kadar cukai tanah baharu di Sarawak berkuatkuasa 1 Januari ini

Oleh Norsyazwani Nasri - Disember 28, 2022 @ 2:33pm
bhnews@bh.com.my

KUCHING: Sarawak melakukan semakan semula kadar cukai tanah berkuat kuasa 1 Januari ini bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat terus dipelihara.

Bagaimanapun, kadar baharu dikenakan itu secara relatifnya masih terendah berbanding cukai tanah dikenakan negeri lain di Malaysia.

Melalui semakan semula itu, kadar cukai tanah baharu bagi kegunaan rumah kedai adalah antara 22 sen hingga RM1.62 semeter persegi; kegunaan komersial selain rumah kedai dan bagi kegunaan pelabuhan, perlombongan serta mineral dan galian adalah dari 20 sen hingga RM1.46 semeter persegi; kegunaan industri dari sembilan sen hingga 43 sen semeter persegi serta bagi kegunaan pejabat dan pembangunan bercampur dari lima sen hingga 23 sen semeter persegi.

Bagi kegunaan rekreasi pula, kadar cukai tanah baharu ialah tiga sen hingga 12 sen semeter persegi; industri minyak dan gas pada kadar 54 sen semeter persegi serta lain-lain kegunaan tanah dari dua sen hingga lapan sen semeter persegi dan bagi tanah pertanian berkeluasan melebihi 40.47 hektar, kadar cukai tanah baharu adalah RM30 sehektar bagi ladang komersial.

Unit Perhubungan Awam, Jabatan Tanah dan Survei dalam kenyataan hari ini, berkata melalui semakan cukai tanah kali ketiga itu, kadar cukai RM25 sehektar dikutip sebagai cukai tanah, manakala RM5 sehektar dikutip jabatan bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) menggantikan levi perladangan.

"Semakan cukai ini tidak membabitkan tanah yang sudah dimansuhkan cukai pada 2016 iaitu tanah kegunaan pertanian berkeluasan kurang 40.47 hektar dan tanah kegunaan kediaman."

"Selain itu, cukai tanah baharu di Sarawak ini secara relatifnya adalah terendah berbanding cukai tanah dikenakan negeri lain di Malaysia," katanya.

Katanya, kerajaan komited untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa diutamakan dengan pelbagai pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam dan terus dilaksanakan untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi Sarawak.

"Pembangunan berterusan ini turut meningkatkan nilai pasaran harta tanah di seluruh Sarawak."

"Secara amnya, pasaran harta tanah merekodkan kenaikan nilai dari 75 peratus hingga 200 peratus dari 1994 hingga 2022."

"Pembangunan intensif di kawasan bandar juga menghasilkan limpahan pembangunan ke kawasan sekitarnya. Limpahan ini mewajarkan kategori tanah di sesuatu kawasan dinaiktarafkan."

"Contohnya, tanah pinggir bandar dinaik taraf kepada tanah bandar, malah ada juga tanah desa dinaik taraf kepada tanah bandar," katanya.

Katanya, bersesuaian dengan perkembangan itu, Jabatan Tanah dan Survei melalui kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar sudah membuat kajian serta perbandingan kadar cukai tanah dilaksanakan di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

"Selaras hasil kajian terbabit dan peruntukan mengikut Seksyen 30(5) Kanun Tanah Negeri, kerajaan meluluskan semakan semula cukai tanah Sarawak pada 16 Jun lalu, cukai tanah semasa yang diguna pakai sejak 1994 iaitu selama 28 tahun."

"Berdasarkan pewartaan pada 30 Jun lalu, hanya 59,710 surat hak milik tanah yang terbabit dengan semakan semula ini, jumlah ini hanya lapan peratus daripada keseluruhan 734,388 surat hak milik yang berdaftar di Sarawak," katanya.

Pemilik tanah boleh membuat semakan cukai baharu di Jabatan Tanah dan Survei Bahagian, maklumat lanjut boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang iaitu di <https://landsurvey.sarawak.gov.my>